

### Fakulti Sains UPM Sasar Kecemerlangan Berterusan



Prof. Dr. Abu Bakar Salleh (kanan) bersama Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz dan Pengerusi Konvensyen Fakulti Sains 2009, Prof. Dr Wan Mahmood Mat Yunus (tengah) ketika merasmikan Konvensyen Fakulti Sains 2009.

**SERDANG, 2 Dis** - Kecemerlangan bagi sebuah fakulti adalah gabungan kecemerlangan penyelidik, pensyarah, pentadbir dan pegawai sokongan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan, menyediakan kemudahan dan prasarana pengajaran serta output penyelidikan terbaik, kata Dekan Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz pada Konvensyen Fakulti Sains 2009.

"Kecemerlangan tidak semudah yang disangka kerana tanpa kerjasama dari setiap individu bermula dari pegawai sokongan hingga penyelidik, kejayaan tidak akan dapat dicapai."

"Bagi sepanjang tahun 2009, banyak kejayaan yang membanggakan telah dicapai oleh penyelidik fakulti. Antaranya, *Young Scientist of Asia Conclave 2009*, *Malaysian Innovative Product Award 2009*, *Malaysian Innovative Product Award 2009* dan *Malaysian Association of Research Scientist* serta pencapaian fakulti melepas audit kepatuhan SIRIM tanpa NCR," katanya.

Konvensyen yang berlangsung di Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan, UPM tersebut telah dianjurkan oleh Fakulti Sains, UPM bertujuan untuk berkongsi kejayaan fakulti sepanjang tahun 2009 bersama warga fakulti.

Selain itu, konvensyen tersebut bertujuan berkongsi hala tuju fakulti mengikut bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan siswazah, pembangunan dan kewangan serta pengurusan sumber manusia dan pentadbiran.

Beliau turut berkata konvensyen kali kedua yang bertemakan 'Iltizam Melonjak Kecemerlangan' tersebut diharapkan dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara warga fakulti dalam terus melakar kecemerlangan dari setiap aspek pendidikan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UPM Prof. Dr. Abu Bakar Salleh berkata konvensyen tersebut boleh dijadikan sebagai wahana perbincangan antara pihak pentadbir fakulti dengan warga fakulti dalam usaha untuk mengekalkan dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan fakulti.

"Konvensyen seperti ini boleh juga dijadikan sebagai medan untuk menjalankan pemantauan dalam memastikan konsistensi pencapaian sesebuah fakulti," katanya ketika merasmikan konvensyen tersebut.

Pada konvensyen tersebut turut diadakan pameran hasil penyelidikan dari setiap jabatan di Fakulti Sains.



*Prof. Dr. Abu Bakar Salleh (dua dari kanan) sedang mendengar penerangan hasil penyelidikan di pameran Konvensyen Fakulti Sains 2009.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia